

UKM terima sumbangan alatan audiologi

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

KUALA LUMPUR – Pusat Pengajian Sains Rehabilitasi (PPSR), Fakulti Sains Kesihatan (FSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) semalam menerima sumbangan alatan audiologi berjumlah RM3.14 juta.

Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Noor Azlan Ghazali berkata, sumbangan berupa 76 unit peralatan audiologi yang diberikan oleh pertubuhan Oction Foundation akan digunakan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

“Tajaan tersebut bukan sahaja memberi manfaat kepada pesakit kami malahan turut membolehkan pelajar program audiologi mendapat kemahiran bagi menguruskan masalah pendengaran dan gangguan berkaitan dengan lebih cekap,” katanya yang ditemui pada Majlis Penyerahan Endowment di sini semalam.

Hadir sama Menteri Kewangan Kedua, Datuk Johari Abdul Ghani yang turut merasmikan program berkenaan.



JOHARI (tiga dari kiri) menyaksikan Pengarah Oticon South East Asia, Doris Ong (tiga dari kanan) menyampaikan replika cek kepada Pengerusi Lembaga Pengarah UKM, Tan Sri Dr. Ibrahim Saad (dua dari kiri) di UKM semalam.

Peralatan audiologi yang diterima UKM termasuk mesin klinikal terkini dan mampu mendiagnos secara tepat

masalah kehilangan pendengaran yang dialami pesakit pelbagai peringkat umur.